

SULIT
1103/2
BAHASA
MELAYU
KERTAS II
NOVEMBER
2001
2 ½ JAM

1103/2

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANU
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2001
TINGKATAN EMPAT

BAHASA MELAYU
KERTAS II

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Bagi bagi soalan 3(b), 3(c), 3(d) dan soalan 4 berdasarkan teks komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan rumi atau jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

SULIT

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian buat satu rumusan kesan jenayah cetak rompak di negara ini. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Jenayah cetak rompak telah melanda negara ini sejak berpuluh-puluh tahun yang lalu. Kini, gejala tersebut tidak berkesudahan. Yang sering kita dengar ialah laungan pihak kerajaan dan jeritan para pemegang hak cipta barangan agar perbuatan itu dihentikan. Pengguna pula dirayu supaya tidak lagi membeli barangan cetak rompak. Malangnya, amalan mengeluarkan dan membeli barangan cetak rompak masih tidak menunjukkan tanda-tanda untuk berkurangan, malah semakin parah.

Sesetengah pihak tidak berasa apa-apa ekoran gejala tersebut tetapi keadaan sebaliknya dialami oleh pihak-pihak yang lain. Para karyawan tempatan sudah tentu mengalami nasib yang kurang baik. Hasil seni mereka tidak dihargai oleh orang ramai apabila kaset dan cakera padat cetak rompak lebih laku di pasaran. Gejala ini juga boleh melumpuhkan industri seni, khususnya industri muzik dan perfileman tanah air. Semangat para karyawan negara untuk menghasilkan karya yang mantap sedikit sebanyak menjadi luntur walaupun dari segi peruntukan kewangan tidak menjadi masalah.

Masalah ini tidak harus dibiarkan begitu sahaja. Pihak berwajib boleh mengambil contoh tindakan yang diambil oleh orang lain. Akta Hak Cipta 1987 hendaklah dikuatkuasakan jika semua pihak tidak ingin melihat perkara yang lebih buruk berlaku. Syarikat-syarikat rakaman pula lebih banyak mengeluarkan album kompilasi (campuran) sekadar untuk menggerakkan perniagaan mereka. Perkembangan filem di negara ini juga akan terbantut. Festival filem Malaysia ternyata gagal untuk diadakan pada setiap tahun atau sekurang-kurangnya dua tahun sekali secara konsisten kerana kita menghadapi masalah kekurangan filem untuk dipertandingkan.

Cetak rompak ke atas perisian komputer di negara ini juga tidak kurang "hebatnya". Perisian komputer dicetak rompak dengan cara menyalin perisian asli kepada lebih daripada satu komputer atau meminjamkan perisian asli untuk kegunaan orang lain. Hal ini lumrah berlaku dalam syarikat perniagaan atau organisasi. Yang membimbangkan kita ialah perkara ini secara tidak langsung akan menggugat keyakinan pelabur asing untuk melabur dalam projek multimedia di negara kita. Kejayaan projek mega ini menjadi harapan emas negara untuk menonjolkan imej sebagai negara maju. Selain itu, mustahil benar kita mampu menarik filem luar datang ke negara ini jika kita masih menjadi pengeluar terbesar cetak rompak.

Memandangkan impak cetak rompak sangat besar terhadap masa depan negara, pihak berwajib harus melipatgandakan usaha memeranginya sehingga ke akar umbi. Kita boleh mengambil contoh tindakan yang dibuat oleh negara-negara lain dalam perkara ini. Walau apapun masalah ini tidak akan menemui titik noktahnya tanpa kesedaran dan sokongan semua pihak.

(Diubahsuaikan daripada *Bilakah Perang Cetak Rom Akan Berakhir?* Dewan siswa, Jun 2001)

Soalan 2
Kemahiran Bahasa

(a) Bina dua ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham penggunaan dan dapat membezakan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan kata-kata itu sebagai peribahasa.

- i. menegakkan
- ii. menghabiskan

(4 markah)

(b) Dalam setiap ayat di bawah terdapat dua kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan-kesalahan itu dan betulkan dengan menulis semula ayat berkenaan tanpa mengubah struktur dan maksud ayat asal.

- i. Ketika saya berada di pantai untuk menghisap udara nyaman, Encik Ramli datang dan meminta saya memberikan salamnya kepada datuk.
- ii. Raja negeri itu telah menyuruh pembesar istana mentaksirkan kerugian yang dirasai oleh mangsa bencana alam di negeri tersebut.

(4 markah)

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat beberapa kesalahan. Anda dikehendaki membetulkan semula ayat-ayat itu dengan mengekalkan maksud dan struktur asalnya. Tuliskan semula ayat-ayat yang telah dibetulkan itu.

- i. Encik Zainal dan isterinya merasa kecewa kerana anak mereka, Roslan gagal masuk mana-mana universiti sebab keputusan peperiksaanya yang tidak cemerlang.
- ii. Beberapa orang penduduk kampung itu sedang berusaha tanah yang dibiarkan sebagai sahutan saranan kerajaan menghijaukan bumi.

(6 markah)

(d) Tulis semula petikan di bawah dalam bentuk karangan biasa menggunakan cakap pindah.

"Mengapa kau muram saja ni?" Tanya Salmi

"Aku..... aku ada masalahlah" balas Zainun.

"Bertenanglah kawan, masalah apa, beritahu aku," Salmi menambah.

"Kau bukannya boleh selesaikan masalah aku," balas Zainun.

"Belum cuba belum tahu," kata Salmi.

(6 markah)

Soalan 3

(a) Petikan Pemahaman Umum.

Baca petikan rencana di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan kaia-kata anda sendiri.

Ada yang berpendapat bahawa bahasa hanya alat untuk menyampaikan maklumat dan oleh sebab itu ketepatan dan peraturan dalam bahasa tidak penting asalkan maklumat yang hendak disampaikan itu difahami. Sesungguhnya, pendapat tersebut tidak berasas sama sekali dari segi perkembangan, pemantapan, dan pembakuan bahasa itu. Kemantapan dan kebakuan sesuatu bahasa tidak akan wujud seandainya pengguna bahasa terus-menerus menggunakan *bahasa yang rancu* tanpa mempedulikan peraturan bahasa itu.

Belakangan ini timbul kecenderungan sesetengah pihak yang mencampuradukkan penggunaan bahasa kebangsaan dengan bahasa-bahasa lain. Amalan sesetengah pengacara rancangan radio atau televisyen yang sekejap berbahasa Melayu dan sekejap berbahasa Inggeris ini kononnya bertujuan memberikan peluang kepada rakyat Malaysia mendengar dan menggunakan Bahasa Inggeris. Ada pula yang memberikan alasan bahawa hal tersebut dilakukan untuk menarik penonton dan mendengar yang lebih banyak. Tidak kurang juga yang beralasan bahawa oleh sebab isu yang diperkatakan ialah isu sains dan teknologi dan isu ekonomi, maka Bahasa Melayu tidak sesuai digunakan.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada *Lidah Pengarang, Bahasa yang Rancu Cerminan Fikiran yang Celaru, Pelita Bahasa, Julai 1995.*)

- i) Apakah yang dimaksudkan dengan *bahasa yang rancu*? Mengapakah berlakunya penggunaan bahasa tersebut?
(2 markah)
- ii) Mengapakah berlakunya kecenderungan mencampuradukkan Bahasa Melayu dengan Bahasa Inggeris?
(3 markah)
- iii) Pada pendapat anda, apakah kesan buruk menimpa Bahasa Melayu jika tiada usaha yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu untuk menangani feromena percampuran bahasa tersebut.
(4 markah)

(b) Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan perkataan anda sendiri.

Aku masih ingat, semasa di tingkatan dua, cikgu yang ketika itu mengajar kelas aku, membuatkan aku benar-benar terpikat dengan caranya mendidik kami sekelas. Dalam masa yang sama, aku mengalami satu kegemparan yang pedih untuk ditafsirkan. Ibu, ayah, dan tiga orang adikku, mati terkorban dalam satu nahas jalan raya yang dahsyat.

Aku yang masih mentah, hanya tahu meraung. Separuh gila dibuatnya. Aku kehilangan seluruh keluarga tercinta. *Seluruh kekuatanku teragut bagaikan seorang kelasi yang diletihkan oleh ribuan pelayaran, tiba-tiba kehilangan pula pulau perhentian.*

Tinggallah aku bersama-sama dengan nenek yang kian menjengah senja usianya. Meniti hari bersama nenek, apalah yang boleh aku peroleh sangat. Nenek pun sebatang kara. Miskin. Demi menampung dan membesarkan aku, nenek berpenat lelah mencari rezeki. Pada kala itu, hati ini selalu memberontak semasa dalam proses membiasakan diri dengan penghidupan baru itu.

Betapa Cikgu Balkis memahami keperitanku. Dia ikhlas menghulurkan tangan. Membantu setakat terdaya. Menyara persekolahan dan menghadihkan kasih sayang buat aku. Cikgu menganggap aku seperti anak sendiri.

(Dipetik daripada cerpen *Menatap Wajahnya*,
Karya Siti Hajar Mohd Zaki,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Bagaimanakah kehidupan yang ditempuh oleh “aku” semasa berada dalam tingkatan dua?
[3 markah]
- (ii) Apakah yang dimaksudkan oleh “aku” dengan *Seluruh kekuatanku teragut bagaikan seorang kelasi yang diletihkan oleh ribuan pelayaran, tiba-tiba kehilangan pula pulau perhentian.*
[3 markah]
- (ii) Berdasarkan cerpen di atas, siapakah “aku” sebenarnya dan apakah yang terjadi kepada dirinya di akhir cerpen tersebut?
[4 markah]

(c) **Petikan Prosa Klasik**

Baca petikan cerita di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan kata-kata anda sendiri.

Apabila Laksamana jauhlah daripada Sita Dewi dan tiadalah kedengaran bunyinya lagi. Maka Maharaja Rawana pun datang merupakan dirinya seperti Brahman. Maka lalu berdiri di hadapan Sita Dewi maka kata Maharaja Rawana, "Hai menantu Maharaja Dasarata, beri apalah akan aku sesuatu anugerahmu!" Maka kata Sita Dewi, "Hai Brahman, satu pun tiada ada pada hamba hanya bunga pada tangan hamba inilah ada!" Maka kata Brahman itu, "Hai Puteri Sita Dewi, barang yang kau anugerahkan aku akan ambil!" Mendengar kata demikian maka Sita Dewi pun mengunjukkan bunga itu kepada Brahman. Maka Brahman pun berkata, "Hai Sita Dewi, tiada hamba dapat melangkahi guris ini jikalau ada kerana kasih tuan hamba unjukkanlah sendiri kepada tangan hamba!" Maka Sita Dewi pun turun dari rumahnya ke tanah.. Maka kata Brahman, "Ya Tuanku Tuan Puteri, hamba tiada dapat melangkah guris ini unjukkanlah, berdiri di dalam guris itu." Maka tangannya keluar mengunjukkan bunga itu kepada Brahman baharu Sita Dewi mengunjukkan bunga itu keluar guris itu maka ditangkannya oleh Brahman tangan Sita Dewi. Maka lalu dibawanya terbang ke udara kepada rata itu maka dinaikkannya ke atas rata itu. Maka ia pun naiklah sama-sama dengan Sita Dewi.

*Hikayat Seri Rama,
Malay Publishing House Ltd.*

- (i) Apakah tujuan Maharaja Rawana menyamar sebagai Brahman dan helah yang dilakukan untuk menculik Sita Dewi? [3 Markah]
- (ii) Beri maksud perkataan 'guris' dan adakah berjaya guris itu melindungi Sita Dewi? [2 Markah]
- (iii) Mengapakah unsur penyamaran begitu penting dalam prosa Melayu tradisional? [3 Markah]

SULIT

(d) Petikan Puisi

Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan kata-kata anda sendiri.

MANUSIA DAN KESEJAHTERAAN

Kelelahan kita semakin patah tenatnya
Berserta kekejaman mengatasi kedamaian
Titik pertemuan menjadi tentangan
Tak siapa mau beralah.

Saat ini siapa lagi sanggup bersemboyan
Janjikan harapan semanis orang bercinta
Setiap pembicaraan tanpa persatuan
Kejujuran mati di hati.

Hari ini tak payah parau bertanya
Ketuaan dunia akan tenggelam juga
Dalam kebodohan manusia
Yang kian bermuka dua.

Demikian kelak dewasanya anakku
Kau bikinlah perhitungan sendiri
Untuk menjengah neraka kecintaan manusia
Mencucuri bahan api neraka.

Tambah mengimbau sorotan kitab MUHAMMAD!
Tambah mengimbau sorotan kitab ESA!
Hanya kesejahteraan membunga api!

SALMI MANJA

- (i) Terangkan maksud rangkai kata di bawah *Kejujuran mati di hati* [2 Markah]
- (ii) Bagaimanakah sikap manusia yang digambarkan dalam rangkap pertama sajak Manusia dan Kesejahteraan. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, dapatkah persoalan utama yang diperkatakan dalam sajak ini ditangani? Berikan alasan anda. [4 markah]

SULIT

Soalan 4

(15 markah)

Jawapan mestilah berdasarkan novel Terminal Tiga karya Othman Puteh

- a) Berdasarkan novel yang anda baca, nyatakan watak-watak sampingan yang terdapat dalam novel tersebut dan peranannya dalam membantu watak utama. (7 markah)
- b) Setiap novel mempunyai pengajaran yang boleh diteladani. Berdasarkan novel yang anda pelajari, tuliskan beberapa pengajarannya. (8 markah)